

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
[ TELOK KEMANG ]**

**RUJUKAN : 7693**

**SOALAN:**

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a) jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang telah didaftar dalam Program 6P berbanding hampir 1.3 juta orang PATI yang masih wujud dan belum berdaftar sehingga kini; dan

(b) statistik kos perbelanjaan Kerajaan dalam menangani masalah PATI ini dari tempoh 2010-2014.

## **JAWAPAN :**

- (a) **Jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang didaftarkan di bawah Program 6P adalah seramai 1,303,126 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 521,734 PATI telah diputihkan dan dibenarkan untuk bekerja di sektor-sektor pekerjaan yang dibenarkan.**

**Bagaimanapun, kenyataan bahawa terdapat hampir 1.3 juta orang PATI yang masih wujud dan belum berdaftar sehingga kini tidak dapat ditentukan kesahihannya. Berdasarkan operasi penguatkuasaan yang dijalankan sehingga 12 Mac 2015, seramai 394,776 warga asing telah diperiksa dan sejumlah 106,832 PATI telah ditahan. Berdasarkan jumlah ini nisbah sebenar kedudukan PATI adalah 10 : 3 iaitu 10 orang sah berbanding 3 orang adalah tidak sah (PATI). Hal ini menunjukkan satu penurunan jika dibandingkan nisbah semasa Program 6P dahulu iaitu 10 : 30 yang mana 10 orang sah berbanding 30 orang adalah tidak sah (PATI).**

**Namun begitu, tidak dapat dinafikan berkemungkinan masih terdapat sebilangan PATI yang sukar untuk dikesan kerana berada di kawasan-kawasan yang susah dimasuki/ diakses oleh anggota-anggota penguatkuasa yang menjalankan operasi disebabkan oleh bentuk muka bumi kawasan tersebut. Sebagai contoh di kawasan-kawasan terpencil, ladang, hutan dan bukit-bukau. Kekangan ini menyebabkan sebilangan PATI ini tidak dapat ditentukan jumlahnya dengan tepat. Sehubungan ini, tindakan penguatkuasaan akan**

**dilaksanakan secara berterusan bertujuan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir PATI yang berada di dalam negara.**

- (b) Jumlah kos perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan bagi warganegara asing dari tahun 2011 hingga 2014 adalah sebanyak RM 88,596,769.27. Jumlah tahanan yang ditahan di Depot Tahanan Imigresen dari tahun 2010 sehingga 4 Mac 2015 adalah seramai 320,290 orang manakala jumlah PATI yang di hantar pulang dari tahun 2011 sehingga 25 Februari 2015 adalah seramai 220,649 orang.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN  
[ BUKIT KATIL ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN [ BUKIT KATIL ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah Projek Perumahan Rakyat (PPR), jumlah unit rumah dan kawasan projek PPR yang telah dan akan dilaksanakan di dalam negeri Melaka bagi tahun 2015 hingga 2017

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2015/2016 sebanyak 4 projek sedang dilaksanakan di Negeri Melaka. Projek tersebut ialah Projek Perumahan Rakyat (PPR) Ayer Panas ,Jasin dan Paya Rumpit, Melaka Tengah yang melibatkan 1,100 unit dan dijangka siap pada tahun 2016.

Manakala 2 projek lagi di Bukit Katil dan Klebang yang melibatkan 500 unit rumah sedang diuruskan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2015